

# Sasar industri berteknologi tinggi

UnikL-MSI meterai perjanjian bersama tiga industri, dedahkan pelajar pada awal pengajian

**KULIM** - Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UnikL-MSI) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama tiga industri berteknologi tinggi di negeri ini.

Presiden UnikL, Prof Datuk Dr Mazliham Mohd Sud berkata, tiga industri berteknologi tinggi seperti First Solar (M) Sdn Bhd, Go Auto Manufacturing Sdn Bhd dan Star Technology Sdn Bhd dapat memberi pendedahan kepada pelajar dari awal pengajian.

Menurutnya, walaupun peluang pekerjaan di industri begitu luas namun graduan didapati tidak memenuhi atau mempunyai kemahiran bersefahaman selain sukar mendapatkan pekerjaan di bidang teknologi tinggi.

"Banyak peluang ada, jadi



**MAZLIHAM**

dengan MoU ini kita akan dedahkan pelajar seawal di semester dua untuk belajar di persekitaran kilang bagi mendapatkan kemahiran dan pendedahan awal di situ.

"Pelajar juga akan menghasilkan produk dalam industri tersebut dan boleh digunakan selepas tamat pengajian mereka akan diserap ke industri tersebut terus melakukan kajian serta membina produk



**Mazliham (dua, kanan) bersama Exco Sains, Inovasi dan Teknologi Maklumat, Datuk Norsabrina Mohd Noor menyampaikan anugerah kepada pemenang kategori dipertandingkan.**

yang boleh digunakan di situ," katanya ketika ditemui pada Majlis Penutupan Pameran Inovasi UEREKA (EIE 2015) di sini.

Beliau berkata, kae-

pada tahun lalu apabila hanya disertai oleh seramai 80 peserta.

Mazliham berkata, pameran ini juga mampu mencungkil bakat baharu dan menjadi platform untuk peserta mempromosi produk inovasi yang dihasilkan mereka kepada umum.

"Pertambahan bilangan peserta pada tahun ini menunjukkan peningkatan minat golongan muda terutamanya pelajar di pelbagai peringkat terhadap bidang inovasi.

"Program ini adalah medium berkesan untuk melahirkan pakar teknologi yang mempunyai kemahiran teknikal serta mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi ditunjukkan melalui penghasilan beberapa produk yang berpotensi untuk dikomersialkan," katanya.

Sementara itu, EIE 2015 menarik penyertaan seramai 190 peserta yang terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi, sekolah menengah dan sekolah rendah berbanding

dah berkenaan meningkatkan pendapatan pelajar kerana mempunyai kemahiran yang diperlukan dan memenuhi permintaan pasaran pekerjaan.